

25 OCT 2003

Dr Mahathir-Bush (Bergambar)/I

BUSH BERBOHONG BILA BERKATA BELIAU MENKRITIK SAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir berkata Presiden Amerika Syarikat (AS) George W. Bush telah membuat pembohongan besar apabila berkata beliau telah mengkritik Dr Mahathir semasa mesyuarat Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Bangkok baru-baru ini.

"Ia merupakan pembohongan besar, jika beliau berkata dia telah mengkritik saya, saya pasti saya juga telah mengkritik beliau," katanya kepada pemberita setibanya dari Papua New Guinea, di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, dekat sini.

Perdana Menteri berkata sudah menjadi lumrah bagi orang yang berbohong mengenai kewujudan senjata pemusnah besar-besaran dan melancarkan perang untuk turut berbohong mengenai apa yang dia telah katakan kepada saya.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Bush semasa melawat Indonesia Rabu lepas, yang antara lain berkata Bush mengaku telah mengkritik Dr Mahathir semasa kedua-dua pemimpin itu bertemu pada mesyuarat Apec.

Perdana Menteri berkata berdasarkan apa yang diingatnya Bush menariknya ketepi bagi menjelaskan sebab beliau (Bush) telah membuat kenyataan keras terhadap Dr Mahathir.

"Saya rasa beliau mahu menyokong kenyataan pegawainya (jurucakap White House)," katanya.

Selasa lepas, Dr Mahathir menafikan kenyataan McClellan bahawa Bush mengkritik Perdana Menteri kerana ucapan Dr Mahathir mengenai Yahudi pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Dr Mahathir bagaimanapun berkata insiden itu merupakan isu kecil dan yang penting beliau dapat memberi pandangan mengenai perlunya penstrukturan semula regim kewangan antarabangsa, pada mesyuarat Apec itu.

"Dan pandangan saya, setakat yang membabitkan kita, yang saya yakin Cancun (mesyuarat Pertubuhan Perdagangan dunia) tidak gagal sepenuhnya," kata Perdana Menteri.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir memberi amaran kepada Australia supaya tidak bertindak sewenang-wenangnya walaupun mendapat sokongan Amerika Syarikat sebagai "Syerif Asia".

"Kita layan orang yang semacam ini sebagai penganas dan kita akan tangkap dan masuk dalam tahanan kalau dia cuba datang ke Malaysia," katanya.

Dr Mahathir juga tidak bersetuju dengan pandangan Bush bahawa Australia kini memainkan peranan penting dalam menentukan keamanan di rantau ini.

"Mereka tidak mempunyai peranan, walau apa pun, dalam mengekalkan keamanan (di rantau ini) walaupun mereka adalah anggota pakatan pertahanan lima negara, kita tidak mengharap mereka membantu kita, kita telah minta angkatan udara mereka dan segala-galanya meninggalkan negara kita.

"Namun kita masih baik hati dan benarkan mereka berlatih di sini," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang ditanya mengenai laporan media Australia yang mengaitkan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Institut Antarabangsa Pemikiran Islam (IIIT), yang didakwa membiayai aktiviti penganas, berkata tidak diketahui sama ada Anwar mengetahui mengenai aktiviti lain institut itu.

"Saya tidak tahu sama ada Anwar mengetahui mengenai aktiviti lain institut itu. Kita tidak ada terlibat, walaupun kita sedar ada orang Malaysia yang terlibat dalam kegiatan seperti Al-Qaeda," katanya.

Program "Dateline TV SBS Australia itu, mendakwa Anwar merupakan

pengarah IIIT yang membiayai aktiviti penganas termasuk menyokong jihad Islam.

Parti Keadilan Nasional yang diketuai isteri Anwar, Datin Seri Wan Azizah, bagaimanapun menafikan IIIT mempunyai hubungan dengan kegiatan keganasan atau Al-Qaeda.

Mengenai lawatan ke Indonesia, Dr Mahathir berkata lawatan ke Timor Leste dan Papua New Guinea sangat menarik dan berjaya.

"Timor Leste merupakan tempat yang menarik, tidak seperti yang saya jangkakan," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata negara yang kaya dengan sumber itu mempunyai potensi besar terutama dalam sektor minyak dan gas, namun beliau yakin Timor Leste tidak akan mendapat keuntungan berdasarkan perjanjian semasa dengan beberapa pihak yang berminat untuk mengeksploitasi sektor minyak dan gas.

"Saya yakin perjanjian sekarang dengan "orang" (mereka yang berminat) untuk mengeksploitasi minyak dan gas negara itu, Timor Leste akan terus kekal menjadi negara miskin," kata Perdana Menteri.

Mengenai sumber asli Papua New Guinea, Dr Mahathir berkata kerajaan negara itu dan Malaysia telah membincangkan pembangunan kedua-dua negara dengan Papua New Guinea telah menunjukkan minat dengan dasar Bumiputera yang diamalkan di Malaysia.

"Papua New Guinea merupakan negara yang kaya dengan sumber tetapi tidak mempunyai keupayaan untuk mengeksploitasikannya dan bergantung kepada negara atau syarikat asing."

"Namun saya beranggapan, syarikat asing ini tidak akan memberikan layanan adil kepada Papua New Guinea," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

WNZ NM LAT